

BANTUAN

Written by Administrator

Tuesday, 16 April 2013 02:25 - Last Updated Thursday, 19 September 2013 02:38

TATACARA LAMAN SOSIAL

Sebagai pengguna Laman Sosial ini, anda termaktub dengan terma dan syarat pada tatacara Penggunaan Laman Sosial ini.

Laman Sosial yang disediakan oleh Pejabat Daerah & Tanah Hulu Terengganu ini terdiri daripada Facebook.

Pejabat Daerah & Tanah Hulu Terengganu tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami kerana menggunakan kandungan di dalam Laman Sosial ini.

Sebarang pandangan yang dikemukakan di dalam Laman Sosial ini adalah pandangan individu semata-mata dan bukan pandangan PDTHT.

Sebarang kenyataan yang menyentuh sensitiviti sesama kaum, agama dan politik adalah dilarang sama sekali.

Anda dilarang menjatuhkan maruah, menyerang peribadi & mengeluarkan kenyataan yang boleh menyinggung perasaan ahli Laman Sosial yang lain.

Anda tidak digalakkan menghantar ayat atau kandungan yang terkeluar dari topik utama.

Pautan dan kenyataan yang berunsurkan LUCAH adalah DILARANG sama sekali.

Digalakkan supaya anda mengakui akan apa-apa kesilapan penggunaan ayat, bahasa atau

BANTUAN

Written by Administrator

Tuesday, 16 April 2013 02:25 - Last Updated Thursday, 19 September 2013 02:38

kandungan dan membetulkannya dengan segera.

Pastikan kenyataan atau muat naik dokumen anda tidak menyalahi peraturan COPYRIGHT LAW, TRADEMARK, PATENT dan lain-lain

Anda tidak dibenarkan memuat naik fail-fail yang mengandungi virus-virus komputer seperti virus Trojan Horses, worms, time bombs, cancel boots atau apa-apa sahaja perisian atau program-program yang boleh merosakkan operasi sesebuah komputer pengguna yang lain.

Dokumen yang telah dimuat turun tidak boleh digunakan untuk tujuan yang salah di segi undang-undang.

Pihak pengurusan PDTHT di dalam mana-mana keadaan tidak mengesahkan, menyokong, mewakili atau menjamin sebarang kebenaran, ketepatan atau kebolehpercayaan mana-mana kenyataan yang di buat di dalam Laman Sosial ini. Anda sendiri seharusnya faham bahawa sebarang risiko berhubung kebolehpercayaan sesuatu bahan di dalam rangkaian sosial ini adalah ditanggung oleh individu itu sendiri.

Pihak Pengurusan PDTHT berhak meminda Tatacara Penggunaan Laman Sosial ini pada bila-bila masa tanpa sebarang pengumuman / notis.